

INFO

Mengenai topeng

© Sejarah awal penggunaan topeng telah ditemui di Altamira (Sepanyol) dan Lascaux dan Dordogne (Perancis)

© Terdapat pelbagai gelaran untuk topeng iaitu di Indonesia, topeng turut dikenali sebagai "kedok", manakala di Bali (Indonesia) ia dikenali sebagai 'tapel', iaitu penutup muka.

© Pada zaman Mesir Tua topeng dipakaikan pada mayat suoaya rupa mayat tidak luntur. Raja Tutankhamun pada waktu itu terkenal dengan topeng emas yang disebut sebagai 'Death Mask'.

© Kebanyakan masyarakat di dunia masih lagi menggunakan bahan buatan asal topeng sama ada daripada kayu, kulit, kertas, tulang, besi mahupun kain.

© Masyarakat Orang Asli di Malaysia percaya bahawa topeng adalah roh nenek moyang dan mereka boleh berhubung dengan nenek moyang mereka melalui topeng.

© Masyarakat Red Indian di Amerika Utara, dan beberapa kaum di Afrika, menetapkan masa tertentu untuk memuja roh nenek moyang mereka dan penggunaan

topeng sebagai penghubung masa silam dan masa kini, seterusnya memberi kesinambungan serta kekuatan dalam masyarakat berkenaan.



Dalam ritual ini, topeng ialah jelmaan penghulu atau ketua masyarakat, ahli saudara atau musuh.

Pameran Topeng Sedunia: 1001 Ekspresi

© 20 Disember 2012 - 20 Mac 2013
© Dibuka setiap hari jam 9 pagi hingga 6 petang
© Bayaran masuk:
Dewasa - RM2 dan kanak-kanak 12 tahun ke bawah - percuma

1.001 ekspresi di Muzium Negara

» Topeng berkait rapat kehidupan masyarakat



Samri menunjukkan cara mengukir kepada pengunjung.

Oleh **Suhaila Shahrul Annuar**
suhaila.shahrul@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Penggunaan dan pemakaian topeng yang dilihat sinonim dengan kehidupan kelompok masyarakat tertentu sudah diamalkan sejak dulu lagi.

Tanpa mengira bangsa atau budaya, penggunaan topeng dalam masyarakat sering dilihat berkait rapat dengan kepercayaan yang wujud dalam masyarakat itu sendiri.

Di Malaysia, beberapa suku etnik di Sarawak, seperti Orang Ulu masih mengamalkan pemakaian topeng dalam upacara keagamaan dan ia juga digunakan dalam seni persembahan tradisional masyarakat

Melayu seperti Menora dan Mak Yong di Kelantan.

Lain pula di Eropah, penggunaan topeng dijadikan sebahagian daripada fesyen golongan bangsawan bertujuan menyembunyikan identiti masing-masing.

Tidak hairanlah jika di negara itu watak adiwira dalam filem terbitan mereka sering menggunakan topeng bagi memaparkan perbezaan atau menyembunyikan rupa sebenar watak baik dan jahat.

Malah, topeng turut memainkan peranan dalam tunjuk perasaan termasuk penunjuk perasaan memakai topeng menyamai rupa tokoh tertentu.

Ambil inisiatif

Menyedari hakikat bahawa topeng masih berkait rapat dengan kehidu-

pan masyarakat dari dahulu hingga kini, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) mengambil inisiatif mengadakan Pameran Topeng Sedunia: 1001 Ekspresi.

Pameran yang diadakan di Muzium Negara bermula 20 Disember 2012 hingga 20 Mac 2013 dibuka setiap hari kepada pengunjung dari jam 9 pagi hingga 6 petang.

Ia mempamerkan lebih 700 topeng dari seluruh dunia termasuk Asia Tenggara (Malaysia, Indonesia, Thailand, Kemboja), Asia (Jepun, China, India, Korea, Nepal, Sri Lanka, Mesir) dan Eropah (Itali).

Selain itu, topeng dari Benua Amerika (Amerika Syarikat, Kanada), Amerika Latin (Mexico, Guatemala, Caribbean, Haiti, Peru, Ecuador, Bolivia) dan Benua Afrika (Nigeria, Burkine Faso, Ivory Coast, Malawi)





Pengunjung melihat topeng yang dipamerkan di Muzium Negara.

[SAIRIEN NAFIS/BH]



Setiap topeng ada rahsia tersendiri

B/4 13/1/13
MS 13.

Kewujudan topeng dalam masyarakat dunia sejak berabad lamanya yang dulu dilihat hanya memenuhi fungsi budaya kini menjadi elemen universal yang terbukti mampu meningkatkan taraf hidup sesetengah kaum.

Bagi pengukir topeng dari masyarakat Orang Asli Mah Meri, Pulau Carey, Samri a/l Abdul Rahman, 37, kemahiran mengukir topeng banyak mengubah taraf kehidupan beliau dan keluarganya.

“Kemahiran mengukir topeng yang diwarisi daripada bapa sejak 15 tahun lalu kini menjadi pendapatan tetap yang menyara kehidupan kami sekeluarga,” katanya.



▶ 3 TEKNIK

mereka bentuk topeng ukiran, jahitan dan pembentukan

▶ 3 REKA BENTUK

topeng separuh muka/mata, seluruh muka serta seluruh muka dan kepala

▶ 700 TOPENG

serata dunia dipamerkan di Muzium Negara

▶ 30,000 TAHUN

Usia topeng pertama ditemui di Altamira, Sepanyol

turut dipamerkan.

Ketua Pengarah Muzium, Datuk Ibrahim Ismail, berkata topeng yang dipamerkan diperbuat daripada pelbagai bahan termasuk kayu serta plastik dan memaparkan pelbagai reka bentuk, ekspresi wajah dan watak.

Katanya, ada topeng yang menunjukkan riak wajah marah, sedih, gembira, seronok, menyeramkan dan seolah-olah menyimpan perasaan dendam.

Tambah ilmu

"Pihak muzium juga masih dalam usaha menambah bilangan topeng yang dipamerkan bagi membantu pelawat memahami dan menambah ilmu pengetahuan mengenai sejarah dan warisan topeng di negara ini serta dunia umumnya.

"Pameran ini termasuk antara pameran khas yang diadakan di Muzium Negara dan ia mendapat kerjasama daripada pengumpul topeng dalam serta luar negara," katanya.

Ibrahim berkata, turut diadakan ialah demonstrasi membuat topeng oleh pengukir topeng tempatan daripada kalangan masyarakat Orang Asli Mah Meri, Pulau Carey.

"Tidak semua pengunjung pernah merasai sendiri pengalaman melihat proses pengukiran topeng daripada kayu, justeru demonstrasi itu diharapkan dapat memberi pengalaman berbeza kepada mereka.

"Pameran ini diharapkan dapat menarik pelancong dalam dan luar negara bagi memperkasakan industri pelancongan negara ini," katanya.



Pameran ini diharapkan dapat menarik pelancong dalam dan luar negara bagi memperkasakan industri pelancongan negara ini"

Ibrahim Ismail,
Ketua Pengarah Muzium



Topeng sering dilihat sebagai elemen menakutkan, tetapi ia sebenarnya menyimpan 1001 rahsia tersembunyi"

Isfan Fazli Abdul Aziz,
Pengunjung

Minat mendalam

Bapa kepada dua orang anak itu menyifatkan kerja mengukir topeng bukan suatu tugas mudah kerana untuk menghasilkan keluaran terbaik dan bermutu ketelitian, kesungguhan serta minat yang mendalam perlu.

"Setiap topeng yang dihasilkan memiliki 'roh' tersendiri yang mampu menarik minat mereka yang benar benar memahami erti kesenian.

"Topeng yang dihasilkan adalah pelbagai baik dari segi saiz atau motif ukiran. Ukiran biasanya bergantung kepada kehendak pelanggan. Harga biasanya dikenakan mengikut saiz topeng sekitar RM260 hingga RM800," katanya.

Sambil menyifatkan topeng membawanya menimba pengalaman jauh di negara orang kerana berpeluang menyertai 'Malaysia Week' di London Oktober lalu, Samri berhasrat untuk terus kekal dalam bidang itu untuk menyara keluarganya.

"Topeng adalah punca rezeki saya dan ia membawa saya menjelajah jauh ke negara orang, justeru saya tidak akan sekali-kali meninggalkannya," katanya.

Buka dimensi

Sementara itu, pengunjung, Isfan Fazli Abdul Aziz, 32, yang ditemui pada pameran itu menyifatkan ia membuka dimensi dan persepsi baru pengunjung terhadap dunia topeng.

"Topeng sering dilihat sebagai elemen menakutkan yang menghantui kanak-kanak, tetapi ia sebenarnya menyimpan 1001 rahsia tersembunyi.

"Melalui pameran itu, kami sekeluarga dapat menambah ilmu pengetahuan mengenai topeng, sekali gus membuang persepsi negatif mengenainya," katanya.

Pengunjung, Wan Ruzaimah Rahim, 31, berkata pameran topeng di muzium yang turut berlangsung pada musim cuti sekolah tepat pada masanya kerana boleh membawa anak-anaknya yang memang berminat dengan dunia topeng.

"Topeng mempunyai peminatnya yang tersendiri termasuk golongan kanak-kanak. Justeru, ia membantu menambah pengetahuan mengenai dunia kegembiraan mereka, sekali gus menjadikan aktiviti musim cuti sekolah kali ini sesuatu yang sangat manis dan bermanfaat," katanya.